

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR
KAWASAN : KULIM BANDAR BAHARU

SOALAN:

Y.B DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR (KULIM BANDAR BAHARU) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan aku janji Barisan Nasional pada PRU 13 yang lalu telah menjanjikan pembinaan lebuhraya di antara Bandar Baru ke Kulim Hi-Tech dan lebuhraya di antara Kulim ke Mahang. Apakah status perancangan ini dan sejauh manakah usaha Kerajaan bagi memastikan aku janji ini dapat dilaksanakan sebelum menjelang PRU akan datang kerana penduduk tempatan masih menagih janji yang telah ditabur demi kelangsungan dan kemudahan hidup penduduk.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek yang dimaksudkan itu ialah merujuk kepada Projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan 36 (FT36) dari Tol Bandar Baharu ke Kulim Hi-Tech sepanjang 42km. Skop projek ini melibatkan naik taraf laluan sedia ada kepada laluan 'dual-carriageway' dengan reka bentuk piawaian JKR, R5 dengan kos projek dianggarkan sebanyak RM650 juta.

Projek ini telah dipohon dalam Rolling Plan 1 (2016-2017), RMKe-11 tetapi tidak menerima kelulusan peruntukan daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Sehubungan itu kementerian ini akan berbincang dan mengemukakan permohonan semula kepada Agensi Pusat berkenaan untuk kelulusan pelaksanaan dalam tempoh Rolling Plan ke-2 (2017-2018), RMKe-11.

Sekian, terima kasih.